

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 20 MEI 2015

RUJUKAN : 8061

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pegawai JPJ yang terlibat dalam sindiket pemalsuan Perakuan Pendaftaran Kenderaan bagi kes kenderaan sambung bayar dan kes menyeludup kenderaan yang telah dilupuskan di negara luar telah disiasat, dibicarakan, dibebaskan dan dihukum mengikut pecahan negeri setiap tahun dari 2005 hingga kini.

JAWAPAN:

Tuan yang dipertua,

Semakan yang di buat dalam *Police Reporting System (PRS)* mulai tahun 2009 sehingga tahun 2015, tiada rekod pegawai JPJ yang disiasat, di bicarakan atau di hukum di dalam kes pemalsuan perakuan pendaftaran kenderaan bagi kenderaan sambung bayar atau kenderaan yang di seludup.

Semakan yang dibuat dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan bahawa sepanjang tahun 2005 hingga Mac 2015, SPRM telah menangkap 14 orang Pegawai JPJ yang disyaki terlibat dalam pemalsuan perakuan pendaftaran kad kenderaan bagi kes kenderaan sambung bayar dan kes menyeludup kenderaan yang telah dilupuskan dari luar negara. Tangkapan terhadap pegawai-pegawai JPJ ini melibatkan negeri-negeri di Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.